

MASYARAKAT MUSLIM MELAYU CHAM DI VIETNAM: KAJIAN MENGENAI ISU DAN CABARAN DALAM PEMIKIRAN ISLAM ERA GLOBALISASI

(CHAM MALAY MUSLIM COMMUNITY IN VIETNAM: A STUDY
ON ISSUE AND CHALLENGE IN ISLAMIC THOUGHT IN THE
ERA OF GLOBALIZATION)

Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali, Ahmad Zuhdi Ismail
Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam,
Univeristi Malaya, Kuala Lumpur
(wzk_ali@um.edu.my, f7zuhdi@um.edu.my) &
Jasamad Han @ Phu Van Han
Southern Institute of Social Sciences, Ho Chi Minh City, Vietnam
(jasamadhan@yahoo.com)

Abstract

There is little research on Islam and Muslims in Vietnam . This paper seeks to address this gap in the literature on Islam in SE Asia .In particular, we shall show the close historical ties with the Malay Muslims in the Malay world, especially Malaysia since the earliest centuries of the coming of Islam to the region either in the context of religious, cultural or other factors. This article aims to explore the sources, methodology, and key issues facing the field of Islamic Thought of the Cham-Malay-Muslim community. Next, the issue of challenges to that community whether internal, external, top-down, or bottom-up..The study will involve two methods of research, library and fieldwork. In summary, the findings show that Islam and the Malay Muslim community in Vietnam face many issues and challenges in the era of globalization due to various internal and external factors. We shall also consider how these problems may be addressed, and solved in appropriate ways to ensure survival in the short and long term.

Keywords: Muslim, Melayu, Cham, Pemikiran Islam, Akidah

Abstrak

Penyelidikan mengenai Islam dan Muslim di Vietnam memang menarik untuk diketahui dan dikongsi kaum Muslimin di rantau ini dan di dunia Islam kerana beberapa alasan. Secara khusus, ini adalah kerana ia mempunyai hubungan yang sangat rapat dari segi sejarah dengan masyarakat Muslim Melayu di alam Melayu khususnya Malaysia sejak abad-abad terawal kedatangan Islam ke rantau ini sama ada dalam konteks keagamaan, kebudayaan dan selainnya. Ia bermatlamat untuk melihat pelbagai persoalan seperti sumber, metodologi, isu-isu utama dalam bidang Pemikiran Islam yang dihadapi masyarakat muslim Melayu Cham. Selanjutnya, cabaran dan bentuknya, sama ada dalaman, luaran, *top-down*, *bottom-up* dan sebagainya. Kajian ini akan melibatkan dua kaedah atau metodologi kajian iaitu kajian perpustakaan (*library research*) dan kajian lapangan (*fieldwork*). Secara ringkasnya, dapatan kajian memperlihatkan bahawa Islam dan masyarakat Muslim Melayu di Vietnam menghadapi pelbagai isu dan cabaran yang berat dalam era globalisasi kerana pelbagai faktor dalaman dan luaran yang memungkinkan mereka terpaksamenghadapinya sama ada suka ataupun duka, dan menyelesaikannya dengan cara dan kaedah yang bersesuaian untuk survival mereka pada jangka masa pendek mahupun panjang.

Pengenalan

Masyarakat Muslim Melayu Cham merupakan sebahagian daripada dunia Melayu yang mempunyai hubungan yang rapat dengan Malaysia dan negara serantau di Asia Tenggara secara khusus dan dunia Islam umumnya. Mereka mempunyai kedudukan, peranan dan sumbangan kepada perkembangan Islam dan pembudayaan tradisi Melayu di Vietnam, Kemboja dan begitu signifikan dalam konteks dunia Melayu dan dunia Islam. Dalam konteks isu dan cabaran semasa yang melanda dunia Islam, iakelihatan tidak pernah kekeringan dan ketandusan daripada pelbagai rupa dan bentuk problem dan cabaran sehinggakan untuk melihat dunia Islam tanpa problem dan cabaran boleh dikatakan sesuatu yang hampir mustahil. Dunia Melayu secara khususnya masyarakat Melayu Cham turut menghadapi fenomena yang sama, seperti masyarakat Muslim Melayu yang lain. Era globalisasi dan dunia tanpa sempadan turut meninggalkan pengaruh dan kesannya yang mendalam terhadap Islam dan masyarakat muslim Melayu Cham di Vietnam.

Kedudukan dan Perkembangan Islam: Suatu perspektif sejarah

Perkembangan Islam di Vietnam bukanlah berlaku dengan sengaja dan tanpa sebab, tetapi ia mempunyai rentetan sejarah yang panjang bermula seawal abad 1/7 hingga kini.¹ Data dan fakta sejarah memperlihatkan kenyataan tersebut seperti berikut:

Menurut al-Dimashqi (m.727/1327), wakil muslim rasmi pertama dihantar ke Vietnam adalah pada zaman Khalifah 'Uthman ibn 'Affan pada tahun 29/650, diikuti zaman Bani Umaiyah dan al-Hajjaj (Zakaria Ali, 1991) dan dikatakan para

pelarian yang melarikan diri daripada penindasan dan pembunuhan beramai-ramai oleh Bani Umaiyah terdiri daripada keturunan 'Alawiyyah (Zakaria Ali, 1991).

Para pelayar dan pedagang muslim telah biasa menjadikan pelabuhan-pelabuhan di Sanf dalam Kerajaan Champa dan juga kepulauan Sanf Fulaw sebagai tempat persinggahan sebelum ke China (Zakaria Ali, 1991). Dikatakan bahawa salah satu faktor pengislaman Champa adalah kerana para pelayar Champa turut mengadakan hubungan dengan masyarakat Muslim dalam persinggahan mereka di pelabuhan-pelabuhan kepulauan Melayu. Para pedagang dari Brunei dan Banten juga pernah berdagang di Champa (Lafont, Pierre-Bernard, 1995).

Di Champa (Abdul Rahman Ahmadi, 1985), Islam dikatakan telah wujud di sana berdasarkan batu nisan yang bertarikh 431/1039² di daerah Phang Rang atau Pandurangga yang merupakan kota pelabuhan penting Champa pada zaman silam (Hamdan Hassan, 1985) dan disebar oleh aliran Syi'ah. Golongan Syi'ah 'Alawiyyah yang menuju ke kepulauan Sila (Sulu)³ dikatakan melalui Champa lebih awal dari itu, iaitu pada sekitar tahun 65-132/685-705 kerana melarikan diri daripada tentera al-Hajjaj, Dinasti Umaiyah.

Berhubung dengan kerajaan Champa, ia dikatakan diasaskan pada abad ke-2M dan berakhir pada abad ke-11/17 bermula dari Haonh di utara sehingga ke Phan Thiet di selatan, dengan penduduknya berketurunan Malayo-Polynesia. Mereka kebanyakannya beragama Islam antara 1015/1607 - 1086/1676 apabila raja Champa menganuti Islam.

Bagaimanapun, pada masa pemerintahan raja Vietnam, Minh Mang [1235/1820-1256/1841], Champa menghadapi zaman penindasan dan pembunuhan tanpa belas kasihan sehingga menyebabkan Po Chien, raja Champa terakhir dan rakyatnya bermigrasi ke Kemboja [Cambodia] di selatan pada tahun 1246/1831⁴ terutama di lokasi yang kini dikenali Kompong Chom, sebahagian ke Terengganu, Malaysia⁵ manakala yang lain ke Hainan, kawasan kepulauan China. Namun, sebahagiannya masih kekal di Vietnam Tengah terutama di Nha Trang, Phan Rang, Phan Ri dan Phan Thiet.

Data Dinasti Song di China mencatatkan masyarakat Cham beradaptasi dengan Islam seawal abad 4/10 dan 5/11. Pertengahan abad 13/19, masyarakat muslim Cham dari Cambodia bermastautin di Kompong Chom, dalam Lembah Mekong, dan mulai membentuk komuniti muslim menerusi 13 buah perkampungan di sepanjang sungai di Vietnam.

Muslim Melayu [dari Malaysia] mempengaruhi masyarakat Cham seawal abad 14/20 menerusi hubungan dua hala. Sekitar 1405/1985, kota Ho Chi Minh dianggap kota komuniti muslim kerana kepelbagaian etnik muslim. Namun, masyarakat Muslim Vietnam secara relatif masih terpisah dan terasing daripada dunia Islam kerana pelbagai kekurangan.

Kedudukan Islam di Vietnam

Republik Sosialis Vietnam sebuah negara sosialis berideologi komunis, dengan majoriti 85% dikuasai kepercayaan Buddha. Pada prinsipnya, ia bukanlah sebuah

negara yang mempunyai faham-faham keagamaan. Namun, agama tidak dapat dipinggirkan daripada komuniti penganutnya dan kerana itu, Vietnam mempunyai banyak agama dan kepercayaan dengan Buddhisme merupakan agama dan kepercayaan terbesar selain daripada Islam.

Islam diterima secara rasmi sebagai salah sebuah agama kerana hubungannya dengan kedudukan masyarakat penganutnya terdiri daripada masyarakat Muslim Melayu Cham yang membentuk 1% sahaja daripada keseluruhan penduduk Vietnam. Dari segi bilangan muslim di Vietnam, dianggarkan ia berjumlah lebih daripada 130 000 orang (Rie Nakamura, 2009), sedangkan komuniti Muslim Melayu Cham di Ho Chi Minh atau Saigon [nama lamanya] sahaja meliputi lebih daripada 5 000 orang.⁶

Kedudukan Islam sebagai salah sebuah agama:

Kedudukan Islam sebagai salah sebuah agama yang dianuti Muslim Melayu Cham di Vietnam yang didominasi penganut Buddhisme adalah seperti berikut:

Dari segi kedudukan Islam, semua urusan agama di Vietnam, diletakkan di bawah kawalan seorang Menteri Agama yang ditugaskan mentadbirkan hal ehwal pelbagai agama. Justeru, Islam sebagai salah sebuah agama diletakkan di bawah perkara "Agama-agama lain."⁷ Pada peringkat awal, segala hal ehwal dan urusan diserahkan kepada mufti dengan bidangkuasanya menguruskan Islam dan yang berkaitan dengannya.

Bagaimanapun, menurut maklumbalas diterima, selepas kematian dua orang mufti yang terakhir, Hj Omar Ali dan Hj Ismail Fitri, urustadbir hal ehwal Islam diletakkan di bawah kawalan Jamiah al-Islamiah. Jamiah al-Islamiah terdiri daripada 9 orang ahli panel dan mewakili Islam dan masyarakat muslim termasuk Melayu Cham untuk kota Ho Chi Minh dan Vietnam keseluruhannya. Oleh yang demikian, masyarakat Muslim tidak berhadapan masalah yang besar, malahan mereka mendapat tempat dan diberikan ruang seperti agama yang lain untuk diamalkan dengan bebas.

Dalam konteks masa kini, Kerajaan Vietnam tidak menghalangi mereka bahkan mempermudah urusan berkaitan Islam. Berbanding sebelumnya terutama disebabkan kekurangan informasi tentang Islam, kerajaan mengadakan banyak halangan dan kekangan untuk sebarang aktiviti berkaitan Islam.

Kedudukan Islam dalam konteks kemazhaban

Lazimnya, Muslim Melayu Cham menyebutkan mereka bermazhab al-Syafi'i. (Mak Pheun, 1995), Namun demikian, ia sebenarnya merujuk kepada apa yang biasanya difahami kaum muslimin seperti di Malaysia juga, iaitu merujuk kepada Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dalam akidah dan al-Syafi'iyah dalam fiqh. Mazhab fiqh al-Hanafiyyah turut mendapatkan tempat disebabkan faktor pengaruh luar khususnya dari India dan Pakistan.

Dalam konteks akidah dan pemikiran Islam, Muslim Melayu Cham tidak begitu memahami peranan dan kedudukan mazhab al-Asy'ariyyah sebagai salah

sebuah mazhab yang penting dalam pembentukan akidah dan pemikiran Islam bagi masyarakat ini di Vietnam dan bahkan dalam Islam itu sendiri. Oleh sebab itu, tidak banyak maklumat diperolehi berhubung dengan aliran pemikiran atau *madhhab* al-Asya'irah atau al-Asy'ariyyah di Vietnam. Justeru, maklumat dan informasi mengenainya difahami dalam kerangka ASWJ atau al-Syafi'i semata-mata.

Kedudukan Islam dalam konteks sumber dan metodologi

Dari segi sumber dan metodologi

Al-Qur'an versi Uthmani diterimapakai di Vietnam sama seperti di Malaysia. Mengenai al-Qur'an dan terjemahannya, mereka menggunakan terjemahan yang dilakukan oleh komitee diketuai Hassan Abdul Karim dikenali *Kinh Qur'an* berbahasa Vietnam. Hampir semua masjid, surau dan institusi berkaitan Islam menerimapakai kitab *Kinh Qur'an* dan ia menjadi suatu standard dan rujukan primer bagi masyarakat Muslim Melayu Cham. Berhubung dengan tafsiran al-Qur'an pula, antara kitab yang dirujuk adalah tafsir Ibn Kathir yang disyarahkan oleh Syaikh Safir Rahman al-Mubarakpuri [dari India].

Al-Hadith, sebagai sumber kedua pula dirujuk kepada hadith 40, tulisan Mustafa Abdul Rahman, cetakan Dewan Pustaka, lebih dikenali *Matan al-Arba'in al-Nawawiyah*. Selain itu, kitab *Muqaddimah Mustika Hadith Rasulullah* oleh Hj Muhammad b. Hj Ibrahim, Syaikh Abdullah Muhammad Basmeih cetakan Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, 1409/1989 turut digunapakai.

Berhubung dengan kitab-kitab berkaitan Akidah dan Pemikiran Islam, di antara yang dapat ditemui adalah seperti berikut: *'Aqidah al-'Awwam* oleh al-'Allamah al-Sayyid Ahmad al-Marzuqi al-Maliki al-Makki. Kitab ini pula mengandungi sebuah kitab lain iaitu *Jala' al-Afham Syarh 'Aqidah al-'Awwam* oleh al-Sayyid Muhammad b. 'Alawi b. 'Abbas al-Makki al-Maliki al-Hasani, Cetakan Dar al-'Ulum al-Islamiyyah, Surabaya. Seterusnya, *Asas 'Aqidah Islam*, oleh 'Abd al-'Aziz 'Umar Ahmad, Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Cetakan ke-5, 1421/2000. Kitab ini dijadikan rujukan untuk pengajian dan kuliah di masjid, surau, madrasah dan bacaan umum. Kitab *I'tiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* oleh Kiyai Hj Sirajuddin 'Abbas, Pustaka Aman Press, Kota Bharu, Kelantan, Cetakan 1, 1996.

Persoalan mazhab, budaya bertaklid dan kedudukan aliran-aliran pemikiran (mazhab) lain di Vietnam

Persoalan mazhab bukanlah merupakan masalah besar, kerana kelainan mazhab masih boleh diterima walaupun pada garis besar, mereka menerima ASWJ sahaja sebagai Islam yang sah. Mazhab Wahhabi turut berperanan dan bahkan mempunyai masjid dikenali Masjid al-Mahmudiah di kota Ho Chi Minh [HCM]. Ia dikatakan dibawa ke ibu kota HCM dan Vietnam oleh para pelajar yang mendalami Islam di Arab Saudi dengan lokasi mereka adalah di Ann Giang yang

terletak berhampiran dengan sempadan Kemboja. Mazhab-mazhab yang lain secara umumnya boleh dikatakan tidak wujud.

Institusi dan pewartaan Fatwa berkaitan akidah, usuluddin dan pemikiran Islam di Vietnam

Dalam persoalan ini, kelihatan institusi yang memainkan peranan penting sebelumnya dilakukan oleh para mufti yang dilantik, tetapi selepas kematian dua orang mufti yang terakhir, suatu panel atau komitee agamawan telah dilantik oleh kerajaan untuk mengambilalih tugas tersebut. Mereka dianggap berkuasa dan berwibawa, apatah lagi mendapat mandat daripada pemerintah atau kerajaan Vietnam sendiri.

Isu-isu primer dan utama

Islam dan agama serta kepercayaan lain

Islam dianggap salah sebuah agama daripada beberapa buah agama dan kepercayaan di Ho Chi Minh dan Vietnam umumnya. Ia kelihatan disamatarafkan dengan pelbagai agama dan kepercayaan lain. Pemerintah Vietnam lebih menekankan ideologi komunis sebagai prinsip fundamental mereka dan aspek-aspek keagamaan tidak diberikan penekanan. Walaupun agama kelihatan tidak dominan, namun Islam diberikan kebebasan untuk diamalkan sama seperti kepercayaan Buddhisme yang menjadi anutan dan kepercayaan majoriti rakyat Vietnam. Bagaimanapun dari segi peruntukan, ia tidaklah berbeza. Dengan kata-katanya, semua agama dan penganutnya diberikan layanan yang sama untuk survival mereka masing-masing.

Akidah Islam dan ajaran sesat

Di Vietnam, terdapat 3 kelompok Muslim Vietnam⁸ dan mereka terdiri daripada:

Muslim Cham merujuk kepada keturunan penduduk Vietnam asal. Mereka merupakan salah sebuah kumpulan etnik daripada 54 buah semuanya,⁹ tetapi merupakan keturunan asal yang terbesar. Oleh kerana mereka Muslim, maka dalam konteks ini, mereka membentuk golongan majoriti Muslim. Muslim pelbagai bangsa pula merujuk kepada keturunan hasil perkahwinan campuran antara orang Vietnam tempatan dengan para pedagang Muslim seperti Arab, India, Indonesia, Malaysia dan Pakistan. Sepanjang zaman, mereka juga sama ada mengahwini orang Vietnam tempatan yang menganuti Islam atau Muslim dari negara lain. Mereka merupakan kumpulan kedua terbesar.

Muslim bertukar agama pula merujuk kepada orang Vietnam tempatan yang berinteraksi dengan para pedagang Muslim yang menetap di Vietnam, dengan contohnya dapat dilihat di seluruh perkampungan Tan Bou di wilayah Tan An.

Dalam konteks Melayu Cham di Vietnam, umumnya mereka terdiri daripada 3 kelompok:

1. Cham Balamon [Jat] – membentuk 15-20% daripada penduduk Cham.

2. Cham Bani [Bini] dan
3. Cham Islam [Sunni]¹⁰ – membentuk hampir 80-85% daripada keseluruhan bangsa Cham.¹¹

Pengiktirafan hanya diberikan kepada Cham Islam [Cham Sunni] manakala Cham Balamon dianggap penganut Hinduisme [Shaiva] dan Buddhisme [Mahayana]¹² dan bukan Muslim, manakala Cham Bani [Bini] pula dikategorikan sebagai kelompok Melayu Cham yang pada asalnya adalah daripada Islam tetapi telah terkeluar daripada Islam dan sesat [menurut pandangan Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah (ASWJ) @ Sunni]. Dengan kata-kata lain, ini kerana mereka berbeza dan tidak sama dengan kelompok Cham Islam [Cham Sunni].

Falsafah Islam dan moden, ideologi, dogma dan doktrin

Dalam konteks ideologi, pengaruh ideologi, dogma dan doktrin tetap berperanan menggugugugat akidah dan pemikiran Muslim Melayu Cham di negara ini. Apatah lagi, Islam di sebuah negara yang mengamalkan faham sosialis komunis. Faham ini pada prinsipnya merupakan suatu pegangan dan keyakinan masyarakat Vietnam termasuk Muslim Melayu Cham sebagai warga negaranya. Mahu tidak mahu, mereka terpaksa menerima kenyataan bahawa ia perlu menjadi bahagian daripada kehidupan mereka. Ia hanya akan terpisah apabila ideologi tersebut tidak dipercayai atau diamalkan. Kenyataan ini mungkin lebih jelas dapat dilihat apabila imbasan ke belakang dilakukan, ketika era peperangan tahun 1975/1979 dahulu, dengan pelbagai bentuk kekerasan dan kekejaman dihadapi golongan Muslim tanpa mengira Melayu Cham mahupun selainnya. Begitu juga, pada era pemerintahan raja Vietnam yang melakukan pembunuhan terhadap Melayu Cham hingga menyebabkan mereka melarikan diri ke Kemboja, Malaysia dan negara-negara lain.

Tasawuf Sunni dan Falsafi

Oleh kerana umumnya, mereka mengamalkan aliran Sunni, maka dapat dikatakan hanya tasawuf yang berkaitan dengan Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah (ASWJ) sahaja mendapat tempat. Tidaklah sukar untuk menerima kenyataan ini, kerana di mana-mana tempat di alam Melayu dengan ASWJ merupakan golongan majoriti, maka tasawuf Sunni merupakan sesuatu yang lumrah. Seperti juga di Malaysia, hal dan keadaan yang sama boleh dijangkakan daripada situasi dan kondisi di Vietnam. Begitu juga, dalam keadaan Islam yang masih pada tahap yang lemah, maka kelihatan prioriti Muslim Melayu Cham adalah untuk meramaikan bilangan penganut agama Islam dan mempertahankan corak dan bentuknya agar ia dapat kekal lama dan menjadi sebahagian tatacara kehidupan mereka.

Pemikiran Islam: Klasik dan tradisional dengan pemikiran moden

Pemikiran rasional dan modernis belum kelihatan menjadi tatacara kehidupan masyarakat Muslim Melayu Cham. Sistem dan gaya fikir mereka mudah dikenali

dan diketahui. Pemikiran klasik dan tradisional menguasai keadaan dengan corak Sunni yang ortodoks, konservatif dan tradisional. Walaupun berada dalam dunia moden, namun perubahan tersebut tidaklah menjadi suatu ancaman.

Kepercayaan animisme, dinamisme dan paganisme dan sebagainya

Kepercayaan tersebut adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan disebabkan beberapa faktor berikut:

Asal-usul Melayu Cham adalah Cham Balamon iaitu berpengaruh Hinduisme seperti yang dapat dilihat dalam sejarah awal kerajaan Melayu Champa di Pandurangga [kini dikenali Phan Rang dan Phan Ri, Vietnam Tengah]. Kerajaan-kerajaan yang terawal di Alam Melayu memang berpengaruh Hinduisme, tidak ada kekecualiannya dalam kes di Champa. Justeru masyarakat Melayu Cham terawal mempraktikkan Hinduisme.

Proses seterusnya mereka mengalami perubahan kepada Cham Bani merujuk kepada Cham yang menganuti Islam yang asal [tanpa merujuk kepada mana-mana mazhab atau aliran pemikiran tertentu atau dengan kata-kata lain, bukan Sunni]. Ia dikatakan bermula pada abad ke-10/16. Mereka tidak mengikuti Islam seperti kebanyakan Muslim Cham yang diakui sah dan diiktiraf. Undang-undang Islam diubah mengikut *Ba-Zikir* dengan mengikut adat resam dan budaya Cham.

Proses berikutnya, Cham berubah kepada Cham Islam selepas mengalami proses islamisasi atau pengislaman dalam rupa dan bentuk yang difahami kini sebagai Cham Sunni. Dengan kata-kata lain, Cham Sunni dianggap Muslim yang sebenar-benarnya, manakala selainnya tidak diakui sebagai muslim atau dilabelkan sebagai "sesat." Cham Sunni mudah dikenali kerana adat resam, budaya, keadaan dan kedudukan mereka tidak ubah seperti masyarakat Muslim Melayu di Malaysia juga.

Masyarakat Melayu Cham Bani masih kelihatan dipengaruhi animisme, dinamisme dan paganisme walaupun mereka masih dalam lingkungan berpengaruh Islam dan dalam era globalisasi dan modernisasi. Ini kerana beberapa alasan berikut (Rie Nakamura, 2010):

- I. Mereka percaya kepada tuhan Allah dikenali "Po Allah [Po Alwah, Po Aluah @ Po Luah]."
- II. Mereka percaya kepada Muhammad sebagai Nabi dikenali "Po Muhammad, Po Nabi ataupun Po Bi.
- III. Mereka mengenali para sahabat Nabi seperti Abu Bakr, 'Umar, 'Uthman dan 'Ali yang disebutkan sebagai "Pi Abu Bakr, Pi 'Ummarkal, Pi Uthman dan Pi Ali [Po Ali @ Po Li]."¹³
- IV. Mereka berpegang kepada perkataan dan perbuatan Imam dikenali "Mum" yang dianggap ketua dan penyelesaian segala masalah mereka. Apa sahaja kata "Mum" diikuti dan ditaati. "Mum" juga dianggap berkuasa besar dalam kalangan mereka, dan mempunyai keistimewaan terutama kerana beliau dilihat memegang kitab suci, yang diketahui dalam kalangan Cham Bani dan selainnya sebagai "Qur'en" atau [Qur'an].

Kajian lapangan yang dilakukan di lokasi tersebut memperlihatkan bahawa kitab yang dikatakan “*Qur’en*” itu sebenarnya bukanlah kitab al-Qur’an ataupun seperti al-Qur’an yang lazim ditemui di mana-mana dalam dunia Islam. Kitab seumpama ini dikatakan terdapat hanya di Vietnam sahaja, dan bilangannya sangat terhad meliputi beberapa buah, menyamai bilangan masjid [*Tankh Mukhi*] yang terdapat di wilayah tersebut.

Analisis dan semakan terhadap kitab tersebut memperlihatkan bahawa ia mengandungi dua bahagian iaitu beberapa buah surah dalam al-Qur’an diikuti syarahan dan tafsirannya dalam bahasa lama dikenali Sanskrit Cham. Hanya *Mum*[Imam] dan orang-orang tertentu seumpamanya sahaja yang mampu menjaga, memelihara dan juga menjelaskan pengertian dan maksudnya.¹⁴

Mereka mempunyai tempat ibadat atau masjid dikenali *Thanh Mukhi* yang ditandai dengan nama Allah dan Muhammad (s.a.w). Binaan ini adalah seperti masjid yang sebenar seperti ditemui di negara-negara Asia Tenggara dan juga di Vietnam sendiri. Masjid mereka dibuka hanya dalam upacara tertentu, dan bukanlah seperti yang lazim diketahui. Dari segi pemakanan, mereka tidak memakan babi dalam lokasi setempat, tetapi dibolehkan di lokasi luar.

Menurut Shine Toshihiko, terdapat kelompok Cham yang menyembah Ali dan memanggilnya “*Ali Nabi*.” Dikatakan “*The Islam theory of the Cham may be belonging to Shiit (Shia Ali)*.” (Shine Toshihiko, 2009). Walaupun kelihatan ia adalah seperti yang dikatakan, namun ia perlu dikaji secara lebih mendalam mengenai kenyataan tersebut, kerana tidak semestinya apa yang disebutkan itu benar-benar sah.

Cabaran-cabaran utama kepada masyarakat muslim Melayu Cham di Vietnam:

Islam dan cabaran daripada agama-agama lain:

Muslim Melayu Cham berhadapan cabaran dalam konteks Islam sebagai agama anutan mereka kerana situasi mereka di sebuah negara beraliran sosialis komunis. Majoriti adalah dikuasai Buddhisme yang merupakan golongan majoriti, manakala Muslim Melayu Cham merupakan golongan minoriti.¹⁵ Suatu perkara yang agak jelas adalah kerana semua agama tanpa mengira majoriti mahupun minoriti, diterima kerana kewujudan etnik dan penganutnya, maka kerana itu ia diberikan tempat, ruang dan diberikan kawalan. Dengan kata-kata lain, terdapat jaminan keselamatan daripada sebarang bentuk ancaman dalaman mahupun luaran dalam era moden ini. Justeru atas dasar ini, Islam turut diberikan hak dan jaminan keselamatan untuk bebas diamalkan dalam lingkungan persekitarannya. Situasi keagamaan di Vietnam yang mendokong sistem komunis mungkin boleh disamakan dengan situasi keagamaan di Indonesia yang mendokong Pancasila dalam hal penyamarataan agama. Di negara-negara lain di rantau Asia Tenggara seperti Malaysia dan Brunei adalah berbeza.

Islam dan cabaran terhadap institusi keagamaan

Institusi keagamaan terutama masjid dan surau, tidak berhadapan sebarang masalah kerana di mana sahaja muslim berada, potensi untuk membina masjid sebagai tempat ibadat kelihatan boleh dilakukan tanpa halangan. Justeru terdapat pelbagai pengenalan kepada masjid-masjid di Vietnam, seperti masjid India, masjid Cham, masjid Cham Bani dan lain-lain.

Islam dan cabaran daripada pelbagai mazhab dalam dan luar

Cabaran ini tetap ada dan tidak boleh dielakkan kerana proses asimilasi dan percampuran dengan kelompok Melayu dari pelbagai negara di dunia terutama Malaysia, Indonesia, India, Pakistan, Iran, China, Arab Saudi dan negara-negara serantau. Selain Sunni [majoriti al-Syafi'i dan minoriti al-Hanafi] sebagai mazhab dominan, aliran al-Salafiyah khususnya al-Wahhabyyyah turut memainkan peranan masing-masing. Mereka dikatakan mempunyai sebuah masjid dibina pada tahun 1382/1963 dikenali masjid al-Mahmudiah didominasi pemikiran tersebut di wilayah Ann Giang.¹⁶ Jamaah Tabligh juga mempunyai pengaruh dan sumbangannya yang tersendiri, biarpun tidaklah begitu besar.¹⁷

Islam dan cabaran terhadap kedudukan institusi kekuasaan

Kajian ini tidak begitu memperlihatkan cabaran dalam bentuk ini kerana umumnya semua agama diiktirafkan oleh kerajaan Vietnam. Semua atau setiap agama termasuk Islam diletakkan di bawah kuasa seorang Menteri Agama yang akan memantau kedudukan setiap agama tersebut. Oleh itu, Islam tertakluk kepada pemantauan Menteri Agama dan dikawal dalam sistem tersebut.

Perbezaan dahulu dan sekarang memberikan kesan dan pengaruh kepada kedudukan Islam kerana Islam dahulu dianggap pengancam keselamatan dan ketenteraman negara. Justeru, sejarah memperlihatkan tekanan dan penindasan oleh kerajaan dan pihak berkuasa terhadap Muslim, namun menerusi keterbukaan kerajaan sekarang, Islam menghadapi situasi yang lebih baik dengan ruang dan peluang dibuka sama seperti agama dan kepercayaan yang lain. Contoh: Aktiviti berkaitan Islam dibenarkan, masjid boleh dibina, pendidikan pelajar tidak dihalang dan bahkan dibenarkan melanjutkan pelajaran ke negara-negara Asia Tenggara dan Timur Tengah kecuali pembiayaan sahaja.

Islam dan cabaran dalam bidang sosial, mahupun sosio-politik, sosio-ekonomi dan lain-lain

Dari segi sosio-ekonomi, penglibatan Muslim Melayu Cham agak lemah. Justeru agak sukar ditemui kedai atau restoran makanan halal. Sumber dan pembiayaan untuk kegiatan dan aktiviti berkaitan Islam banyak bergantung kepada sumber dan sumbangan dari luar Vietnam. Komuniti Muslim Cham menghadapi tekanan ekonomi dan kesukaran untuk mengekalkan amalan komuniti dan keagamaan mereka kerana faktor kekangan ekonomi.

Di Vietnam utara, kebanyakan mereka terdiri daripada petani, manakala di Vietnam selatan pula, majoritinya terlibat dalam perikanan, tenunan dan perniagaan kecil-kecilan. Ini juga kerana memandangkan kerajaan Vietnam sendiri tidak mempunyai dana, bantuan dan subsidi kewangan untuk menyokong mana-mana komuniti dan aktiviti yang dijalankan termasuklah oleh Muslim Cham sendiri. Ringkasnya, masing-masing agama terpaksa berdikari untuk melaksanakan aktiviti agama dan sosial mereka.

Dari segi sosio-politik, hampir tiada peranan dimainkan oleh Muslim Melayu Cham. Ini kerana semua urusan berkaitan Islam dan Muslim Melayu Cham diletakkan di bawah kekuasaan Menteri Agama. Di mana-mana negara pun, secara umumnya terdapat dua perkara pokok yang boleh menyebabkan sesuatu tindakan dan kawalan ketat akan dilakukan iaitu ketenteraman awam dan keselamatan negara. Mana-mana komuniti termasuk Muslim Melayu Cham yang kewujudannya menjadi suatu bentuk gangguan atau mewujudkan gangguan, akan berhadapan dengan tindakan.

Dalam konteks Muslim Melayu Cham sahaja, terdapat segolongan tertentu berperanan menentukan arah dan haluan masyarakat ini terutama yang melibatkan Islam, seperti dakwah Islam dan pendidikan. Anak-anak Muslim Cham dihantar ke institusi-institusi pendidikan tertentu di luar Vietnam sama ada di Malaysia, Indonesia, Arab Saudi dan negara-negara Timur Tengah yang lain.

Di Malaysia, mereka dihantar terutamanya ke Kelantan, Terengganu dan Kedah. Pada peringkat pengajian tinggi, para pelajar kini berada di institusi-institusi pengajian tinggi seperti UIAM, Kolej Insaniah Kedah dan lain-lain untuk mendalami pelbagai bidang pengajian Islam termasuk bidang bukan pengajian Islam.

Dari segi sosio-budaya, mereka masih cuba mengekalkan warisan kebudayaan Cham dengan bergabung dalam suatu persekitaran Islam dan Muslim yang lain kerana perbezaan gaya hidup dan amalan mereka berbanding dengan golongan Vietnam lain.

Islam dan cabaran-cabaran dari luar Vietnam

Cabaran yang datang dari luar Vietnam boleh dikategorikan dalam pelbagai bentuk:

Dari segi ideologi, ideologi komunisme, sosialisme dan lain-lain boleh memberikan pengaruh yang besar terhadap akidah dan pemikiran Islam bagi Muslim Melayu Cham terutama melibatkan isu politik dan kepimpinan. Ini kerana komunisme dan sosialisme yang berasaskan “isme” atau faham yang diilhamkan daripada pemikiran manusia yang sama sekali terlepas daripada Islam, pastinya mempunyai banyak kelemahan dan kekurangan.

Dari segi budaya, budaya muslim Muslim Melayu Cham turut berhadapan pelbagai rupa bentuk budaya lain yang dibawa oleh para penganut muslim dari luar Vietnam seperti India, Pakistan, Malaysia dan lain-lain ke negara tersebut. Budaya dan amalan mereka sedikit sebanyak akan mempengaruhi budaya dan

amalan mereka seperti yang dapat dilihat menerusi kewujudan budaya dan amalan Jamaah Tabligh.

Kesimpulan

Vietnam merupakan salah sebuah negara yang mengamalkan sosialisme komunisme yang mengatasi semua ideologi, isme dan faham yang lain. Islam dan semua agama dan kepercayaan yang lain diberikan kedudukan yang hampir sama dari hak dan layanan. Islam di Vietnam pada umumnya berasaskan madhhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah (ASWJ), sama seperti kebanyakan negara di rantau ini. Kelihatan isu yang paling penting mendominasi isu-isu lain adalah survival Islam dan Muslim. Pelbagai isu yang timbul mempunyai hubungan langsung dan tidak langsung dengan Islam dan kelangsungannya. Pada masa yang sama, pelbagai cabaran dihadapi sama ada dalaman, luaran, *top-down*, *bottom-up* dan sebagainya. Ringkasnya, dapatan kajian memperlihatkan bahawa Islam dan masyarakat Muslim Melayu di Vietnam menghadapi pelbagai isu dan cabaran yang berat dalam era globalisasi kerana pelbagai faktor dalaman dan luaran yang sebahagiannya mereka terpaksa selesaikannya sendiri, dan sebahagian yang lain pula, daripada bantuan kaum muslimin dari luar. Bagaimanapun, dengan keadaan politik semasa, mereka mampu bertahan dan mengekalkan jati diri keislaman mereka. Survival mereka pada jangka masa panjang akan banyak bergantung kepada daya usaha dan daya tahan mereka berhadapan isu dan cabaran besar dengan kekuatan pemikiran yang lebih besar.

Nota Hujung

¹Lihat: <http://www.angelfire.com/vt/vietnamese.muslims/hstry.html> yang dirujuk pada 19/8/2009.

²Maqam Abu Kamil Ahmad bertarikh 29 Safar 431/1040. Pada maqam tersebut tertulis kalimah *Allahumma salli 'ala Muhammad wa Al Muhammad wa sallam 'alaihim* yang membuktikan bahawa beliau seorang pengikut *Ahl al-Bayt*, atau juga dikenali *al-Syi'ah*. Ini kerana kalimah *Al Muhammad* (kaum kerabat Muhammad (s.a.w)) merupakan simbol ikutan para pendokong mazhab *Syi'ah*.

³Kepulauan Sila di sini bermaksud kepulauan Sulu (lihat: Sayyid Alwi bin Tahir al-Haddad, *'Uqud al-Almas*, I, h.144 - 146 berdasarkan kitab *Nukhbat al-Dahr fi 'Aja'ib al-Barr wa al-Bahr*, oleh Syams al-Din Abu 'Abdullah Muhammad bin Abu Talib al-Ansari. Lihat: Wheatly, P., "Arabo-Persian sources for the history of the Malay Peninsula in ancient times," dlm. *Malaysian Historical Sources*, h.18.)

⁴*Ibid*, h.139.

⁵Sehingga kini, Terengganu terkenal sebagai perkampungan bersejarah bangsa Cham kerana Muslim Champa terawal mendiami negeri tersebut.[Lihat: Tan Jo Hann dalam artikelnya, *Muslims in Vietnam*. http://www.seapcp.org/index2.php?option=com_content&task=view&id=19&Itemid=34&p]

⁶Lihat: Tan Jo Hann dalam artikelnya, *Muslims in Vietnam* yang dirujuk pada 6/1/2010 menerusi

http://www.seapcp.org/index2.php?option=com_content&task=view&id=19&Itemid=34&p

⁷Interview bersama dengan Hj Apdol Rahman, salah seorang ahli panel mewakili komuniti Muslim Cham di Masjid Jamiul Muslimin, Ho Cho Minh pada pagi jam 11 bulan Mac 2011.

⁸<http://www.angelfire.com/vt/vietnamesemuslims/compVM.html> dirujuk pada 19/8/2009. Dikatakan Muslim Vietnam kini berjumlah 65 000 orang di Vietnam Selatan dan di Ho Chi Minh sendiri, terdapat kira-kira seramai 5000 orang. [Lihat: Tan Jo Hann, "Muslims in Vietnam" dlm. SEAPCP website, http://www.seapcp.org/index2.php?option=com_content&task=view&id=19&Itemid=34&p]

⁹<http://en.wikipedia.org/wiki/Vietnam> [15/4/2009]

¹⁰Interview bersama Prof. Po Dharma, pensyarah pelawat berasal dari Vietnam dan kini bermastautin di Peranchis sebelum pengkaji memulakan kajian di Negara Vietnam, pada bulan Mei 2010, bertempat di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

¹¹<http://www.muslimwiki.com/mw/index.php/Cham>

¹²*Ibid.*

¹³Interview dengan "Mum" [Imam] Cham Bani pada Mac 2010 di Phan Rhan, Vietnam Tengah. Lihat sama: J. Collins (1991), "Chamic, Malay and Acehese: The Malay World and Malayic Language," dlm. *Le Campa et Le Monde Malais*, Paris: Centre of Southeast Asia Studies, International Office of Campa (USA), h.109-122; G. Moussay, "Um Mrup dans la Literature Cam," dlm. *Le Campa et Le Monde Malais*, h.101-102.

¹⁴Pengkaji telah dapat memiliki senaskhah kitab tersebut dengan belas ihsan daripada "Mum" [Imam] di salah sebuah masjid di Phan Rang [Kerajaan Melayu Campa lama] yang memberikan keizinan untuk difotostat semasa kajian ini dijalankan.

¹⁵<http://www.angelfire.com/vt/vietnamesemuslims/hstry.html> dirujuk pada 19/8/2009.

¹⁶<http://www.angelfire.com/vt/vietnamesemuslims/masjidList.html> dirujuk pada 19/8/2009.

¹⁷Semasa kajian di HCM, pengkaji berkesempatan menemui dan menemubual beberapa orang pengikut Jamaah Tabligh dari utara Malaysia, yang sampai ke kota ini menerusi perjalanan darat dengan merentasi beberapa negara, Thailand dan Kemboja. Secara umumnya, mereka memberikan komentar positif tentang perjalanan dan penerimaan pemerintah dan masyarakat tempatan berhubung kehadiran mereka.

Referensi dan Bibliografi

Abdul Rahman Ahmadi, Drs. (1981). *Sejarah kedatangan Islam ke Asia Tenggara*, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Kuala Lumpur, Malaysia, 1981, h.19.

Abdullah bin Mohamed (Nakula) (1989), "Keturunan Melayu di Kemboja dan Vietnam: Hubungannya dengan Semenanjung dengan Tumpuan Khas

- kepada Negeri Kelantan,"*Warisan Kelantan* XIII: 6-41, Kota Bharu, Kelantan: Kelantan State Museum Corporation.
- Coedes, G. (1981), "Sejarah Campa dari awal sampai Tahun 1471," dlm. *Kerajaan Campa*, Jakarta: Balai Pustaka, h.31-70.
- Dewan Bahasa dan Pustaka [1995], "Dunia Melayu dan Dunia Indocina," (eds. Ismail Hussein, P-B. Lafont, Po Dharma), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Fatimi, S.Q., (1963). Islam comes to Malaysia, Malaysian Sociological Research Institute Ltd, Singapore, h.47
- Hamdan Hassan. (1981). Peranan Aceh dalam pengembangan Islam di Nusantara. dlm. (Hasyjmy, A.), *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*, h.332; Fatimi, S.Q., *ibid*, h.45 - 47.
- Hourani, George F. (1979),*Arabs Seafaring*, Princeton University Press, New Jersey.
- J. Collins. (1991). Chamic, Malay and Acehnese: The Malay World and Malayic Language. dlm. *Le Campa et Le Monde Malais*, Paris: Centre of Southeast Asia Studies , International Office of Campa (USA), h.109-122; G. Moussay. (1991), "Um Mrup dans la Literature Cam," dlm. *Le Campa et Le Monde Malais*, Paris: Centre of Southeast Asia Studies , International Office of Campa (USA) h.101-102.
- Kersten, Carol (2006), "Cambodia's Muslim King: Khmer and Dutch Sources on the Conversion of Reameathipadei I," 1642-1658, *Journal of Southeast Asian Studies* 37, No.1: 1-22, Singapore: The National University of Singapore.
- Lafont, Pierre-Bernard. (1995). Hubungan Antara Campa Dengan Asia Tenggara. dlm.*Dunia Melayu dan Dunia Indocina*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h.213.
- Mak Pheun. (1995). Masyarakat Melayu di Kemboja (Dari Akhir Abad ke-16 hingga Zaman Pemerintahan Raja Islam Ramadhipati I). dlm.*Dunia Melayu dan Dunia Indocina*. (eds. Ismail Hussein, P-B. Lafont, Po Dharma), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Manguin, Pierre-Yves (1975), "The Introduction of Islam to Champa," *Journal of the Malayan Branch of The Royal Asiatic Society*, 58.1:1-28.
- Marrison, G.E. (1951), "The Chams of Malacca," dlm. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society [JMBRAS]*, XXIV/1,: 90-98.
- Marrison, G.E., (1975), "The Early Cham Language and Its Relationship to Malay," dlm. *JMBRAS*, XLVIII/2.
- Piettre-Yves Manguin. (1985). The Introduction of Islam into Champa. dlm. *JMBRAS*, LVIII (58), 1985, Bhg.I, h.1-28; G.E.Marrison, "The Chams and their Literature," dlm. *JMBRAS*, LVIII (58), 1985, Bhg.II, h.45-70.
- Rie Nakamura (2009), "The Bani Group Cham in Vietnam," in International Seminar on Historical Relations between Indochina and the Malay World, Jointly organized by Department of History, FSSS, University of Malaya and Ecole francaise d'Extreme-Orient with cooperation from the Embassy of France in Malaysia on 20-21 October 2009.
- Sayyid Alwi bin Tahir al-Haddad, 'Uqud al-Almas, I, h.144 - 146 berdasarkan kitab *Nukhbat al-Dahr fi 'Aja'ib al-Barr wa al-Bahr*, oleh Syams al-Din Abu

- 'Abdullah Muhammad bin Abu Talib al-Ansari. Lihat: Wheatly, P., "Arabo-Persian sources for the history of the Malay Peninsula in ancient times," dlm. *Malaysian Historical Sources*, h.18.)
- Scupin, Raymond (1995), "Historical, Ethnographic, and Contemporary Political Analyses of the Muslims of Kampuchea and Vietnam," dlm. *Social Issues in Southeast Asia*, Vol.10, No.2: 301-328.
- Shine Toshihiko, "The Kur-Jawa in the Raglai literature: Malay Images through lens of Montagnards in Vietnam's Central Highlands," dlm. International Seminar on Historical Relations between Indochina and the Malay World pada 20-21 Oktober 2009 di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h.1-2.
- Shine Toshihiko. (2009). The Kur-Jawa in the Raglai literature: Malay Images through lens of Montagnards in Vietnam's Central Highlands. dlm. International Seminar on Historical Relations between Indochina and the Malay World pada 20-21 Oktober 2009 di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h.1-2.
- Tan Jo Hann dalam artikelnya, *Muslims in Vietnam* yang dirujuk pada 6/1/2010 menerusi http://www.seapcp.org/index2.php?option=com_content&task=view&id=19&Itemid=34&p
- Tarling, Nicholas (1992), *The Cambridge History of Southeast Asia*, Vol.I, Cambridge Press, Cambridge.
- Taylor, Phillip (2007), *Cham Muslims of the Mekong Delta: Place and Mobility in the Cosmopolitan Periphery*, Honolulu: University of Hawaii Press.
- Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali. (1996). Perkembangan Syi'ah, pengaruh dan kesannya di dunia Islam dan di Asia Tenggara," dlm. *Jurnal Sejarah*, Kuala Lumpur: FSSS, Universiti Malaya. No.3, 1994-95, h.67-94
- Wong Tze Ken, Danny (2004), "Vietnam-Champa Relations and the Malay-Islam Regional Network in the 17th-19th Centuries," dlm. *Kyoto Review of Southeast Asia*, Issue 5, Kyoto: Kyoto University Center for Southeast Asian Studies
- Zakaria Ali. (1991). Notes on Islamic Arts of Campa. dlm. *Le Campa et Le Monde Malais*, Paris, h.123-133.